

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT EDARAN OTOMOBIL NASIONAL BERHAD

TEMPAT: SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH: 06 JUN 1994

MASA:

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) kerana menjemput saya untuk merasmikan ibu pejabat EON yang baru.

2. Tahniah juga diucapkan kepada EON sempena sambutan ulangtahunnya yang ke-10. Sambutan ini adalah tepat dengan kejayaan EON dalam pemasaran kereta PROTON dalam negara ini di samping kemunculan EON sebagai salah sebuah konglomerat utama yang giat dalam program kepelbagaiannya.

3. Pada hari ini, EON meraikan dua peristiwa penting -- ulangtahunnya yang ke-10 dan perasmian ibu pejabatnya yang baru.

4. EON kini terkenal sebagai syarikat pengedaran kereta PROTON yang amat berjaya hasil daripada pencapaian EON menjual lebih setengah juta kereta dan menguasai 74 peratus daripada pasaran kereta penumpang di Malaysia.

5. Ini adalah satu pencapaian besar dan membanggakan kerana dalam industri kereta di Malaysia, belum terdapat syarikat pengedaran yang menjual begitu banyak kereta serta mencapai kongkongan pasaran kereta setahap keupayaan EON.

6. Salah satu daripada kejayaan projek kereta nasional ini ialah keupayaan PROTON mengeluarkan kereta yang bermutu tinggi, dijual dengan harga yang berpatutan dan yang dapat diterima oleh rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan hidup. Kejayaan PROTON di luar negara juga membanggakan di mana kereta buatan Malaysia telah berjaya menembusi pasaran di 15 buah negara dengan jualan melebihi 85,000 unit.

7. Kejayaan EON dalam pemasaran kereta di Malaysia ini adalah kerana strategi pasaran EON yang agresif lagi inovatif. Antara lain, EON telah menjalankan kempen sebelum pelancaran yang begitu berkesan dan berjaya seperti tempahan sebelum pelancaran, plat kereta khas PROTON dan penjelajahan kereta Sagarama dan Sagathon ke seluruh negara.

8. Strategi ini telah diperteguhkan lagi dengan dasar perletakan harga kereta yang standard, perlantikan para wakil jualan dan servis yang bertauliah serta komitmen EON

terhadap perkhidmatan pelanggan yang cemerlang menerusi perkhidmatan selepas jualan yang cekap di seluruh negara.

9. Kejayaan program pembangunan jualan dan perkhidmatan ini telah membolehkan para usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera yang terbabit menikmati faedah daripada projek kereta nasional ini. Kini terdapat 105 wakil jualan dan 76 wakil servis francais yang menyokong perkhidmatan jualan dan selepas jualan EON. Ini merupakan satu peralihan yang baik dalam industri motor yang belum pernah dialami sebelum pengenalan projek kereta nasional ini.

10. Penglibatan EON dalam pengedaran kereta telah meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam industri kereta selaras dengan dasar Kerajaan bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

11. Bangunan baru ini menandakan satu era baru bagi EON dalam usaha EON untuk meningkatkan komitmen bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pemilik kereta PROTON. Pusat servis 24 jam, yang pertama di rantau ini, adalah satu contoh yang baik di mana para pemilik kereta PROTON boleh menghantarkan kereta mereka pada bila-bila masa, sepanjang 365 hari setahun. Perkhidmatan 24 jam ini adalah satu langkah yang harus dipuji dalam usaha EON meningkatkan lagi perkhidmatan selepas jualannya kerana ini menunjukkan komitmen EON untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada para pemilik kereta PROTON.

12. Keputusan EON untuk mempelbagaikan perniagaannya sebaik ia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tahun 1990 amat tepat pada masanya untuk menentukan EON terus berkembang maju serta mempelbagaikan sumber pendapatannya.

13. Keupayaan EON untuk menjadi sebuah konglomerat dalam masa yang agak singkat, iaitu empat tahun, boleh dilihat daripada penglibatannya dalam bidang perdagangan am, kewangan, pengubahsuaian kereta, telekomunikasi, hartanah, pengedaran alat dan komponen kereta serta pembrokeran saham. Saya berasa amat bangga kerana EON telah mula melangkah ke seberang laut menerusi pelaburannya dalam Cycle and Carriage Ltd. sebuah syarikat konglomerat di Singapura, PROTON Car Europe untuk memasarkan kereta PROTON di Eropah serta kegiatan EON Trading dalam perdagangan am di peringkat antarabangsa.

14. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia menggalakkan perdagangan dan pelaburan di negara-negara lain, termasuk negara-negara di Selatan.

15. Perlantikan EON dalam Program Syarikat Perdagangan Am menandakan kepercayaan Kerajaan kepada EON untuk membantu dalam usaha-usaha mempertingkatkan lagi eksport dengan negara-negara luar, terutamanya dengan negara-negara Selatan. Saya harap EON akan muncul sebagai syarikat yang berjaya dalam perdagangan luar negara seperti kejayaannya

dalam memasarkan kereta PROTON di Malaysia.

16. Sebagai pengilang kereta, PROTON telah berjaya memasarkan kereta nasional ke lebih 15 buah negara di seberang laut dalam sepanjang lapan tahun yang lalu. Usaha-usaha mempertingkatkan lagi eksport kereta PROTON adalah perlu dan diharapkan PROTON akan terus berjaya menembusi pasaran seberang laut.

17. Untuk muncul sebagai salah sebuah negara yang mempunyai industri automotif bertaraf antarabangsa, kita perlulah meluaskan pasaran antarabangsa untuk merebut kelebihan daya saingan ekonomi atau 'economies of scale' yang ada pada kita. Kejayaan kereta nasional juga bergantung kepada keupayaan PROTON menguasai sebilangan pasaran eksport. Ini adalah kerana pasaran tempatan adalah kecil. Kejayaan PROTON adalah penting untuk menentukan keberkesanan daya saing kereta PROTON di peringkat antarabangsa.

18. Dalam hal ini, saya rasa EON kini berada dalam kedudukan yang baik untuk membantu PROTON merebut pelbagai peluang yang terdapat di pasaran baru di seberang laut dengan menggunakan kepakarannya dalam bidang pemasaran kereta PROTON dan pencapaian yang telah dicatat sedekad yang lalu. Di samping itu, EON, sebagai sebuah syarikat perdagangan, boleh meningkatkan eksport kereta PROTON melalui urusan perdagangan timbal balas atau 'counter trade'.

19. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada EON di atas pencapaian mereka dan berharap EON akan terus maju untuk memberi sumbangan kepada negara. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan ibu pejabat baru EON.